

14 JAN 1997

ENAM PERJANJIAN BAGI PROJEK MULTIMEDIA DIMETERAI

Oleh: K.C. Leong

LOS ANGELES, 14 Jan (Bernama) -- Syarikat Malaysia menandatangani enam perjanjian dan dua memorandum persefahaman (MoU) dengan rakan kongsi Amerika mereka bagi kerja sama dalam projek multimedia, termasuk sebuah bagi perdagangan elektronik oleh CommerceNet Sdn Bhd.

Majlis perjanjian berkenaan disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang tiba di sini semalam dalam rangka lawatan ke California dan Jepun bertujuan menggalakkan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Perwakilan syarikat-syarikat Malaysia terbabit dalam pemeteraian perjanjian itu adalah sebahagian daripada rombongan perdagangan yang mengiringi perdana menteri yang mengetuai rombongan tersebut beberapa hari selepas menyampaikan amanat tahun baru yang menekankan tanggung jawab kerajaan untuk menggalakkan penggunaan teknologi maklumat (IT) dan perusahaan berasaskan IT.

Perjanjian-perjanjian yang ditandatangani hari ini ialah antara CommerceNet dan Open Market Inc (OMI), Barn Technologies Sdn Bhd dan Silicon Graphics Malaysia, Utusan PNMB On/Line Sdn Bhd (UPOL) dan Excalibur Technologies, KUB IT Sdn Bhd dan Science Applications International Corp. (SAIC), Arab-Malaysian Corporation Bhd dan Media-SuperCollider Inc., dan Cambro Technology (M) Sdn Bhd dan Oracle.

Dua MoU pula ditandatangani oleh Infra Kekal dan Todd-AO Studios dan juga oleh Quantum Parallel Sdn Bhd dan Thomson Sun Interactive.

Pengarah urusan CommerceNet, Encik Zait Isa memberitahu pemberita Malaysia bahawa syarikat itu ditubuhkan khusus untuk menerokai bidang perdagangan elektronik bagi mengambil kesempatan daripada dagangan tanpa sempadan yang telah dikenal pasti sebagai satu daripada permohonan penting MSC.

Syarikat berkenaan beroperasi di Universiti Pertanian Malaysia-MTDC Technology Incubation Centre One di kampus UPM di Serdang di mana ia akan menawarkan pembiayaan berasaskan Internet, perdagangan dan sistem pelaburan serta katalog berasaskan Internet untuk membeli-belah dari rumah, pembayaran bil dan perkhidman lain.

Oleh kerana pasaran dagangan elektronik cukup besar dan memerlukan penyertaan rakan kongsi, syarikat itu merancang untuk mempelawa pertubuhan yang sesuai seperti Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), MTDC, Telekom Malaysia dan pihak-pihak lain yang berkaitan dan yang berminat.

Encik Zait ialah juga pengarah urusan Barn Technologies dan Utusan PNMB On/Line. Beliau berkata sungguhpun perjanjian-perjanjian ditandatangani oleh kedua-dua buah syarikat yang terbabit dalam projek perdagangan elektronik CommerceNet, namun syarikat-syarikat berkenaan tidak menyertainya sebagai sebuah konsortium.

Kedua-dua buah syarikat akan mengendalikan pelbagai projek dan CommerceNet pula satu sahaja.

Barn Technologies, yang beroperasi dari struktur yang merupai bangsal yang menempatkan CommerceNet, telah ditubuhkan untuk memilih dan menganalisa projek-projek teknologi untuk dilancarkan dengan jayanya dan beroperasi di dalam MSC.

Ia juga mengenal pasti rakan kongsi dan pelabur sebelum sesuatu projek dilaksanakan secara komersil sepenuhnya dan telahpun mengadakan sebuah pejabat di Lembah Silikon di sini di California untuk bertindak sebagai saluran bagi pembekal-pembekal teknologi dalam memupuk projek dalam MSC dan juga bertindak sebagai pengantaraan bagi syarikat-syarikat Malaysia yang

berminat mendapatkan teknologi serta syarikat multimedia Amerika.

Perkongsiannya dengan Silicon Graphics akan membolehkannya menyediakan sokongan bagi projek perdagangan elektronik CommerceNet tetapi ia juga telah melahirkan projek-projek lain bagi pelaksanaan MSC termasuklah grafik canggih dan kemudahan latihan multimedia, studio pasca pengeluaran digital dan teks, grafik dan bank data berasaskan gambar untuk masyarakat elektronik dan katalog membeli-belah bagi dunia Internet.

UPOL, anak syarikat Percetakan Nasional Malaysia Bhd yang mendakwa merupakan syarikat yang pertama bergerak ke bidang MSC, menjalankan penerbitan Internet maklumat perundangannya Malaysia, termasuk yang berkenaan dengan Akta Parlimen dan Akta-akta pindaan sebagai kegiatan utamanya.

Ia telah mengadakan rundingan dengan Excalibur Technologies bagi perlantikan eksklusif sebagai penjual semula keluaran utamanya -- kelengkapan dapatan kembali (WR) dan sistem fail elektronik (EFS), kedua-duanya disediakan untuk versi jaringan sedunia.

UPOL, yang berhasrat untuk memasukkan penerbitan Hansard sebaik sahaja pangkalan data maklumat perundangannya siap kelak, menggunakan perisian WR sebagai enjin mencari teks pangkalan datanya.

Ia berpendapat kepakarannya amat bersesuaian dalam penggunaan MSC yang lain

-- bagi masyarakat elektronik/digital -- dan menyatakan perjanjian penjual semula yang ditandatangani itu akan membolehkannya dan Excalibur menyediakan teks, imej dan sistem pangkalan data bergambar bagi menampung keperluan menyeluruh daya usaha masyarakat digital.

Rakan-rakan kongsi bercadang menubuhkan prototaip sistem masyarakat digital dan pusat peraga di pejabat-pejabat mereka, juga di pusat UPM-MTDC, yang merancang menjemput agensi-agensi kerajaan untuk melatih kakitangannya di sana.

Perjanjian Amcorp pula ialah untuk melanggan ekuiti penguasaan dalam Media superCollidor, sebuah syarikat berpangkalan di Los Angeles yang memajukan permainan dan kandungan untuk Internet.

Perjanjian KUB IT-SAIC pula ialah bagi rakan kongsi bekerjasama dalam mendapatkan peluang perniagaan dalam teknologi maklumat dan sistem penyepaduan, termasuk kegiatan seperti pembelajaran jarak jauh, masyarakat elektronik, perdagangan elektronik, telekomunikasi, bangunan pintar dan perlindungan maklumat.

Butiran perjanjian-perjanjian yang lain dan MoU tidak disediakan.

Terdahulu, Dr Mahahtir telah menghadiri majlis taklimat oleh EDS, syarikat sistem data elektronik yang diasaskan oleh Ross Perot 34 tahun lalu. Perot telahpun menjual sistem tersebut kepada General Motors pada harga AS\$2 bilion (RM4.96 bilion). Syarikat itu telah dijual kepada pelabur dan pengurusan tahun lepas.

EDS sudahpun mengadakan perniagaannya di Malaysia, bersama-sama syarikat seperti Petronas, Binariang, Proton dan Bank Bumiputera serta agensi-agensi kerajaan dan syarikat. EDS berharap menjadi rakan kongsi strategik di dalam pembangunan MSC. -- BERNAMA

LKC MA/sia